

# Ikhlas bantu kerajaan, bukan hanya kerana elaun

Kenaikan suguhati daripada RM50 kepada RM100 sebagai pengiktirafan

Oleh Ilah Hafiz Aziz dan Hassan Omar  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Tidak memandang jumlah elaun diterima, sebaliknya mahu berkhidmat membantu kerajaan sepanjang tempoh sukar negara menangani pandemik COVID-19 ketika ini.

Itulah semangat sukarelawan yang terbabit dalam proses vaksinasi dan pengurusan COVID-19 di negara ini, ketika mengulas kenaikan elaun harian atau suguhati daripada RM50 kepada RM100 yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, kelmarin.

Walaupun gembira mendingarnya, Muhammad Syahir Roshidi, 22, menegaskan penyertaannya sebagai sukarelawan bukan disebabkan mengejar imbuhan, sebaliknya menyumbang bakti sebagai rakyat Malaysia.

Katanya, ketika menyertai program sukarelawan itu beberapa bulan lalu, dia tidak meletakkan wang elaun sebagai penanda aras kerana hatinya terbuka menyertai perjuangan kerajaan menentang COVID-19.

“Saya ada terdengar elaun akan dinaikkan tetapi tidak tahu sama ada sukarelawan bukan kesihatan terbabit atau tidak tetapi sekiranya ada, saya anggap itu rezeki untuk kami.

“Bagaimanapun, saya anggap menyertai sukarelawan ini sebagai tuntutan mencari ilmu dan pengalaman di masa hadapan,” kata pelajar Ijazah Multimedia itu.

Dhiya Kamalia Kamal Affendi yang menjadi sukarelawan Persatuan Perubatan Islam Malaysia (IMAM), gembira dengan pengumuman kenaikan elaun itu walaupun tidak terbabit secara langsung.

Pelajar tahun akhir perubatan di luar negara itu, berkata walaupun tidak menerima elaun dari kerajaan, namun dia yakin ia memberi kelegaan kepada sukarelawan lain yang mempunyai kesukaran kewangan.

“Sepanjang berkhidmat di pusat kuarantin, saya tidak menerima elaun, walaupun ada sukarelawan lain menerimanya. Ia khabar gembira



Sukarelawan MAS menunjukkan arah laluan kepada penerima vaksin di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Axiata Arena, Kompleks Sukan Bukit Jalil, semalam. (Foto Asyraf Hamzah /BH)

“Saya harap usaha membantu di PPV Sungai Udang ini mampu membantu usaha menurunkan kadar jangkitan”



Ain Fariyah Zulkifli, Penuntut UPM

buat mereka.

“Ada sukarelawan menempuh perjalanan jauh untuk datang membantu. Walaupun tidak mencukupi, sekurang-kurangnya menampung kos minyak kereta dan tol,” katanya yang berharap sukarelawan yang dibebani kerja setaraf petugas kesihatan dilihat kerajaan untuk agihan elaun sama.

Norazlina Abdul Aziz, 49, yang menjadi sukarelawan sejak April lalu, berkata beliau tidak terlalu memikirkan aspek elaun, sebaliknya lebih menitikberatkan

“Saya amat gembira dan bangga dapat memberikan sumbangan kepada usaha kerajaan menyelamatkan nyawa manusia”



Alif Nazrine Azman, Penuntut UiTM Cawangan Dengkil

usaha memberikan perkhidmatan terbaik memuaskan hati penerima vaksin di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Sungai Udang, Tanjung Kling, Melaka.

“Saya akan terus bekerja sepenuh jiwa bagi membantu melancarkan urusan pendaftaran penerima vaksin di sini,” katanya.

Bekas anggota tentera itu berkata, disiplin dalam Tentera Darat selama ini membentuk semangat dalam jiwanya untuk membantu usaha Kementerian Kesihatan (KKM) mengurangkan penularan

“Saya bersyukur kepada Allah dan berterima kasih kepada kerajaan kerana mengiktiraf pengorbanan kami”



Norazlina Abdul Aziz, Sukarelawan

pandemik berbahaya itu.

Penuntut Ijazah Sarjana Biokimia Universiti Putra Malaysia (UPM), Ain Fariyah Zulkifli, 27, berkata dia berpuas hati dengan elaun RM50 sehari sebelum ini kerana niat sebenarnya adalah untuk membantu menurunkan pandemik COVID-19.

“Elaun RM50 sehari sekarang memang cukup untuk saya kerana suami bekerja dan kami belum ada tanggungan anak. Kenaikan elaun itu saya anggap sebagai bonus untuk sukarelawan kesihatan,” katanya.